

Universiti sebagai ejen perubahan masyarakat

BH

1 MAY 1986

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan cendekiawan di universiti memikirkan usaha membudayakan masyarakat dengan ilmu dengan cara memanfaatkan kepada rakyat segala ilmu yang boleh diamalkan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menegaskan universiti dibina bukan untuk mencipta golongan elit intelek, sebaliknya untuk menjadi ejen perubahan masyarakat.

"Oleh itu, ilmu yang dibina di universiti perlu diterapkan ke dalam masyarakat, katanya di majlis penyampaian Hadiah Bahasa Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan dalam penyampaian ilmu kepada masyarakat, bahas yang paling sesuai digunakan tentunya bahasa kebangsaan kerana rakyat terbanyak tidak mungkin dapat menguasai bahasa asing yang dikuasai oleh ahli-ahli ilmu.

Katanya, oleh itu ahli-ahli ilmu bertanggungjawab menghasilkan karya dalam bahasa kebangsaan.

Mereka juga perlu mewujudkan suasana yang mendorong masyarakat memerlukan buku atau sebarang bentuk tulisan yang dapat membantu memajukan mereka, katanya, tambahnya.

Perdana Menteri berkata sudah sampai masanya petani, misalnya, mendapat faedah daripada kajian ahli sains untuk memajukan usaha pertaniannya melalui tulisan yang mudah dalam bahasa kebangsaan.

Beliau meminta pentadbiran universiti menyusun rancangan induk untuk menghasilkan buku-buku ilmiah dalam bahasa kebangsaan.

Selain itu pengiktirafan juga perlu diberi kepada karya ilmiah dalam bahasa kebangsaan sama seperti yang diberikan kepada karya ilmiah dalam bahasa Inggeris, katanya.